

Headline	Jangan terus berserah nasib		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	25 Dec 2012	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	60,000
Page No	L-56	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	347 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rosmiza Kasim	AdValue	RM 1,909
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,726



# Jangan terus berserah nasib

*NGO, persatuan wajar beri semangat kepada pesakit HIV/Aids teruskan hidup*

**ROSMIZA KASIM**

**KOTA BHARU**-Kematian bukanlah penamat riwayat hidup bagi individu yang dijangkiti HIV/Aids dan seawajarnya penghidap tidak boleh terus berserah dengan nasib tersebut tanpa usaha mengubatnya.

Sehubungan itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Datuk Dr Ahmad Razin Datuk Ahmad Maher mengajak badan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan-persatuan di Kelantan bersama-sama memberi kesedaran kepada kumpulan itu.

Menurutnya, selain peranan kerajaan, NGO dan persatuan di negeri ini boleh gembeng usaha bersama-sama jabatan untuk membantu golongan terbahit supaya matlamat sifar kematian berkaitan Aids mampu dicapai.

"Kita boleh sedarkan kumpulan ini bahawa kini terdapat kaedah rawatan yang boleh memastikan mereka hidup secara berkualiti dan produktif kepada negara.

"Ini juga sudah dibuktikan oleh mereka yang menerima rawatan menerusi Kementerian Kesihatan dan kerjasama menyedarkan individu terlibat ini untuk tampil menerima rawatan adalah sangat penting," katanya kepada media kelmarin.

Terdahulu beliau merasmikan Majlis Sambutan Hari Aids Sedunia peringkat negeri Kelantan di pekarangan Pasar Siti Khadijah yang turut dihadiri Pengarah Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II, Datuk Dr Ghazali Hasni Md Hassan.

Ahmad Razin berkata, Kumpulan Prihatin dan Sahabat adalah antara yang aktif dalam memberi perhatian kepada 37 anak dilahirkan oleh ibu penghidap HIV di negeri ini.

Justeru beliau berharap lebih banyak NGO akan terlibat dalam membantu pesakit HIV sendiri, anak-anak dijangkiti virus itu serta penghidap daripada ibu-ibu tunggal kerana baginya jika tiada bantuan daripada mereka kemungkinan usaha kerajaan akan terbantut.

Dalam pada itu, Ahmad Razin berkata, semenjak kes pertama tahun 1618 sehingga November 2012, sebanyak 10,877 kes jangkitan dilaporkan dan daripada jumlah itu 1,711 (16%) adalah pe-

sakit Aids serta 1,618 (15%) kes kematian.

Katanya, pada tahun ini sehingga November sebanyak 260 kes baru HIV dilaporkan dengan kadar notifikasi adalah 15 bagi setiap 100,000 penduduk, manakala bilangan kes Aids yang dilaporkan adalah 127 dan kematian 62.

"Kota Bharu mencatatkan kes HIV baru paling tinggi iaitu 136 diikuti dengan Pasir Mas sebanyak 28 dan Tumpat 23 kes," katanya.

Bagaimanapun katanya, sejak beberapa tahun ini kes yang dicatatkan menunjukkan penurunan.

"Faktor risiko jangkitan yang utama adalah penyalahgunaan dadah secara suntikan diikuti dengan jangkitan secara heteroseksual," katanya.



Ahmad Razin (tiga, kiri) bermesra bersama para peserta Sambutan Hari Aids Sedunia peringkat negeri Kelantan kelmarin.